

04/11/2002

Pembangkang perlu ikhlas jika mahu sertai Barisan

Zulkofli Jamaludin; Mokhtar Alias; Noorwati Salleh; Junita Mat Rasid
KUALA LUMPUR, Ahad - Parti pembangkang yang hendak menyertai Barisan Nasional (BN) perlu ikhlas, serius dan menerima dasarnya tanpa mengenakan sebarang syarat.

Pembangkang juga diminta menyahut cabaran itu sekiranya ikhlas membela nasib rakyat dan memajukan negara.

Di KUALA TERENGGANU, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Razak, berkata adalah menjadi dasar BN mengajak pembangkang yang ikhlas menyertai BN membangunkan negara dan menghadapi ancaman musuh luar.

Bagaimanapun, katanya parti pembangkang perlulah ikhlas dan bekerjasama atas semangat permuafakatan.

"Suatu ketika dulu, Pas memang berada dalam BN. Tetapi apabila Pas tidak menunjukkan taat setia kepada BN, Pas terpaksa keluar.

"Kalau mereka (Pas) menunjukkan permuafakatan ala BN, mereka akan kekal dalam BN," katanya selepas majlis kempen pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih negeri di Wisma Seri Amar.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang mengajak parti pembangkang yang ikhlas menyertai BN untuk menghadapi ancaman musuh dari luar dan bergabung tenaga membangunkan negara.

Najib berkata, dengan dasar permuafakatan komponen BN, parti yang pernah menjadi musuh politik satu ketika dulu boleh diterima semula.

Di KUANTAN, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman menyifatkan pelawaan Perdana Menteri itu sebagai serius dan ikhlas.

"Pembangkang perlu membuat reaksi terhadap pelawaan itu bagi memperlihatkan pendirian mereka, jika parti itu berniat menjaga kepentingan masyarakat dan membangunkan negara.

"Tidak mustahil bagi pembangkang dan kerajaan BN bersatu untuk mengukuhkan barisan ke arah memudahkan segala urusan pembangunan dan menghadapi ancaman luar," katanya kepada pemberita selepas program 'Kita Sama Kita 2002' peringkat Pahang anjuran Jabatan Perpaduan Negeri di pusat aktiviti Permatang Badak, di sini, hari ini.

Siti Zaharah berkata, jika parti pembangkang bersatu dengan BN, tentu tidak ada perselisihan pendapat serta ruang bagi pihak tertentu mengambil kesempatan.

"Pelawaan Dr Mahathir itu adalah ikhlas dan baik serta satu cabaran kepada pembangkang. Selama ini, kerajaan bertungkus-lumus bekerja dan sentiasa memikirkan kegiatan dan program yang harus dilakukan demi kepentingan masyarakat dan negara.

"Apa yang barisan pembangkang lakukan dalam perkara ini selain mengkritik? Kita boleh berbeza pandangan, tetapi dalam soal asas seperti keselamatan negara, kepentingan negara serta masa depan anak bangsa tidak boleh tolak ansur," katanya.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata pandangan Perdana Menteri itu perlu difikirkan secara mendalam oleh parti pembangkang kerana keadaan dunia ketika ini yang tidak aman.

Beliau berkata, oleh kerana negara kecil dan membangun sering ditekan negara maju, adalah perlu negara berkenaan bersatu pada peringkat dalaman sebelum dapat menangkis ancaman luar.

"Ini perkara yang baik, kalau negara mantap kita boleh hadapi ancaman dari dalam dan luar dengan berkesan.

"Perdana Menteri cakap dengan ikhlas untuk mewujudkan kesepaduan supaya orang luar tidak ambil kesempatan," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata pelawaan itu menunjukkan BN serius membangunkan negara dan sentiasa berusaha menghadapi ancaman musuh luar.

Katanya, sudah tiba masanya perubahan politik digabungkan untuk bersama-sama menghadapi cabaran dunia.

"Cadangan itu bagus dan saya setuju dengan Perdana Menteri. Lebih baik kita melupakan perpecahan dan bersama-sama memastikan pembangunan negara dan perpaduan rakyat tidak terjejas dalam usaha menghadapi cabaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Majlis Ahli Seumur Hidup parti itu, di sini hari ini.

Beliau berharap pembangkang memahami keperluan rakyat Malaysia untuk menghadapi cabaran dari luar dan memberi peluang bersama-sama memastikan negara ini tidak terjejas dengan cabaran berkenaan.

Katanya, pelawaan Dr Mahathir itu mempunyai persamaan dengan pelawaan bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang pernah menjemput parti pembangkang melupakan fahaman politik yang berbeza, sebaliknya bersama-sama menumpukan perhatian membangunkan negara.